

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU (BATU GAJAH)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang jenis-jenis perjudian dalam talian online yang digemari oleh rakyat Malaysia. Apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk membendung perjudian dalam talian yang menjadi semakin popular di kalangan anak-anak muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil perhatian yang serius terhadap isu perjudian yang berleluasa di negara ini termasuklah premis-premis perjudian dalam talian yang semakin bertambah. Hasil siasatan dan pemantauan PDRM dapati, rakyat Malaysia mengemari pelbagai judi online. Sindiket permainan judi online ini menawarkan semua bentuk judi fizikal samada permainan judi slot mahupun "*table game*". Antara permainan judi yang biasa ditawarkan dalam judi online adalah **ROULETTE, BACCARAT, BLACKJACK, SLOT GAMES** dan lain lagi.

Dalam hal ini Ketua Polis Negara telah mengeluarkan arahan agar isu ini ditangani dengan segera dan berterusan. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis termasuklah:

**NO. SOALAN : 461**

- a) mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan termasuklah operasi bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini;
- b) mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001;
- c) bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan bagi sindiket perjudian; dan
- d) menggubal serta menambahbaik undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.